

**NO. SOALAN: 282**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW [ KEPONG ]**

**RUJUKAN : 7290**

**SOALAN:**

**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan jenis golongan pelampau di negara ini dan mereka yang terlibat di Iraq dan Syria. Apakah langkah untuk mencegahnya dan berapa orang di dalam tahanan.

## **JAWAPAN:**

Untuk makluman, terdapat tiga (3) jenis golongan pelampau di negara ini iaitu golongan pelampau agama, pelampau kaum dan pelampau politik.

Sehingga 17 Oktober 2014, Kerajaan melalui Polis DiRaja Malaysia (PDRM) telah mengenal pasti seramai 39 orang rakyat Malaysia yang terlibat dengan gerakan militan di Iraq dan Syria (ISIS) manakala seramai 40 orang telah ditahan oleh pihak Polis untuk tujuan siasatan.

Sebagai langkah pencegahan, pihak PDRM telah dan sedang menjalinkan kerjasama yang rapat dengan agensi risikan asing untuk menyekat pengaruh kumpulan pengganas ini dari menular di dalam negara. Kerjasama ini termasuklah melalui usaha-usaha berterusan dalam pertukaran maklumat risikan dengan agensi-agensi keselamatan negara luar, khususnya negara-negara ASEAN.

Pada Masa yang sama, kerajaan melalui Jabatan Imigresen Malaysia boleh menyenaraihitamkan nama-nama mereka yang disyaki terlibat dengan kegiatan keganasan ini dengan memasukkan nama-nama mereka ke dalam Senarai Syak Jabatan *Imigresen (Security List)* bagi mengesan pergerakan mereka di pintu-pintu masuk utama di seluruh negara.

**Kerajaan juga sedang menyediakan Kertas Putih untuk memaklumkan kepada rakyat tentang ancaman kegiatan keganasan yang melibatkan rakyat Malaysia dalam masa yang terdekat ini.**

**Di sini juga saya ingin menyeru kepada semua pihak agar menjauhkan diri daripada terlibat dengan kegiatan-kegiatan seumpama ini demi menjaga keselamatan, memelihara keharmonian dan kesejahteraan yang telah dinikmati selama ini.**